

17/10/1997

Dewan gamat kerana pelekat PM

DEWAN Rakyat semalam gamat apabila dua pelekat bergambar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan bertulis 'We Support Dr Mahathir' (Kami menyokong Dr Mahathir) berada di atas meja setiap Ahli Parlimen.

Ahli Parlimen Pembangkang menyoal sama ada pelekat itu dicetak dan diedar mengikut peraturan dan syarat yang boleh diterima dalam mesyuarat Dewan Rakyat.

Tanpa mengira pekikan sorak Ahli Parliman BN, Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) terus bangun dan menyatakan kesal terhadap perbuatan mengedar pelekat itu.

"Ini melanggar Akta Penerbitan yang menghendaki setiap bahan bercetak perlu ditulis nama penerbit. Pelekat itu juga ditulis bukan dalam bahasa kebangsaan," katanya.

Lim membangkitkan perkara itu sebaik sahaja Dewan meneruskan perbahasan Rang Undang-Undang Bernama 1997.

Bapanya, Lim Kit Sing (DAP-Tanjong) pula bangun dan meminta satu siasatan dilakukan untuk mengetahui siapa penerbit dan pencetak pelekat itu.

Seorang penyokong kerajaan, Datuk Abu Zahar Nika Ujang (BN-Kuala Pilah) yang bangun sambil disambut tepukan meja oleh penyokong BN berkata, pembangkang sepatutnya menerima arahan Timbalan Speaker.

(END)